

MUIS beri jaminan kerjasama utk terbitkan buku2 panduan akhlak

- 8 OCT 1976

MAJLIS Ugama Islam telah memberikan jaminan akan bekerjasama dalam sebarang usaha menerbitkan buku peradapan mengikut keperluan-keperluan setempat.

Buku serupa itu akan banyak menolong usaha membaiki moral anak-anak yang kurang faham atau belum faham tentang peradapan yang mesti mereka ketahui, Presiden MUIS, Haji

Buang Siraj menerangkan semalam.

Presiden MUIS itu menegaskan demikian bila mengulas kenyataan Menteri Negara (Pejabat Perdana Menteri), Haji Ya'acob Mohamed yang menekankan peri pentingnya diterbitkan buku-buku panduan serupa itu.

Ketika berucap merasmikan Madrasah Al-Arabiah di Hillside Drive Ahad lepas, Haji Ya'acob antara lain menyebut:

"Memang tidak dapat disangkal bahawa moral

Oleh SAADON ISMAIL

setengah-setengah anak kita kian merosot, bahkan ada pula antara mereka yang beranggapan ibubapa mereka sebagai kolot.

"Buku-buku seperti itu tidak saja boleh dijadikan panduan oleh ibubapa di rumah, bahkan juga oleh guru-guru di sekolah."

Mengalukan kenyataan tersebut, Presiden MUIS menjelaskan bahawa ia adalah satu idea yang sangat baik sekali.

Katanya: "Moral anak-anak kita terhadap keluarga dan masyarakat memang merosot. Ada antara mereka yang tidak beradab langsung terhadap ibubapanya.

"Buku-buku seumpama itu memang banyak membantu usaha kita meninggikan moral anak-anak tadi."

Bagaimanapun, Haji Buang menjelaskan, setiap penulis yang ingin menghasilkan karya-karya mereka berhubung dengan subjek itu, mestilah mendapatkan panduan yang tertentu.

"Majlis," katanya lagi, "sedia bekerjasama dengan sesiapa saja untuk menghasilkan buku-buku serupa itu, itupun jika ada permintaan ramai."

Sokongan

Beberapa orang penulis veteran dan penerbit tempatan juga memberikan sokongannya terhadap apa yang disuarakan oleh Haji Ya'acob tadi.

Haji Mohd. Ariff Ahmad, seorang penulis veteran dan anggota Asas 50 di samping mengalukan usaha-usaha ke arah itu menarik perhatian, buku-buku serupa itu mestilah dikarang oleh penulis-penulis tertentu, bukan kreatif.

"Buku-buku seumpama itu mestilah dikayakan oleh penulis-penulis tertentu seperti penulis-penulis buku pendidikan ataupun pengetahuan. Penulis-penulis ini dapat menggariskan dasar-dasar panduan ke dalam buku yang akan dikaryakan itu," kata Haji Ariff.

Seorang penerbit, Syed Ahmad Semait berkata: "Pembentukan moral bermula dari rumah. Jika moral mereka baik di rumah, tentu ia juga baik di luar. Tetapi jika moral mereka di rumah kurang baik, maka akan lebih buruk di luar rumah."

Memang tidak dapat disangkal bahawa buku-buku panduan yang diterbitkan tadi amat berguna sekali untuk membentuk moral. "Saya alu-alukan saranan Haji Ya'acob itu."

Sementara itu, beberapa orang ibubapa yang enggan disebutkan namanya bila ditemui berkata usaha untuk menerbitkan buku itu akan lebih baik dikendalikan oleh MUIS sendiri.

"MUIS boleh menganjurkan peraduan dengan memberikan hadiah-hadiah yang baik sebagai daya penggalak untuk penerbitan buku pendidikan peradapan serupa itu," seorang ayah menerangkan.

AMC

- 8 OCT 1976